

22/09/1997

BN perlu bersatu tangani masalah

Lichong Angkui; Hadi Karim

TAWAU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya bersatu dan bekerja sebagai satu barisan dalam menangani sebarang permasalahan yang dihadapi negara dengan berasaskan kepada konsep perkongsian pintar.

Perdana Menteri berkata, konsep perkongsian itu harus memberi manfaat secara adil kepada semua yang terbabit, iaitu mereka harus bersedia berkorban sedikit dan jangan membolot 100 peratus.

Menurutnya, dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini, tiada yang terjamin 100 peratus gembira kerana tidak semua kehendak mereka dapat dipenuhi.

"Setiap kita harus bersedia berkorban sedikit supaya pihak lain turut mendapat bahagian dan semua orang akan mendapat manfaatnya. Kesanggupan berkorban ini sebenarnya sebahagian ciri dalam perkongsian pintar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan kongres keempat Parti Maju Sabah (SAPP), sebuah daripada lapan gabungan BN Sabah, di Dewan Masyarakat di sini petang ini. SAPP ditubuhkan pada 1994 dan antara lain bertujuan mewujudkan sebuah kerajaan demokratik, bertanggungjawab dan adil.

Turut hadir Presiden Kehormat SAPP, Datuk Seri Panglima Tan Kit Sher; Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee serta wakil parti komponen BN negeri.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menegaskan selagi setiap parti bersedia mengamalkan konsep perkongsian pintar itu, negara akan menjadi aman dan pertumbuhan ekonomi menjadi lebih baik.

Katanya, apabila ekonomi negara mengalami pertumbuhan menggalakkan, bermakna rakyat akan mendapat bahagian yang banyak dan ia membawa kepada kemakmuran berkekalan.

Beliau mengambil contoh percubaan kalangan tidak bertanggungjawab yang cuba menjejaskan nilai mata wang negara yang perlu ditangani oleh seluruh pimpinan di negara ini, termasuk kalangan pemimpin BN untuk bersatu berasaskan konsep perkongsian pintar.

"Ini penting kerana apabila kita bersatu, kuasa asing yang berpengaruh sekali pun akan tunduk kepada kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengajak pimpinan parti BN menjadikan sejarah kesatuan dan perpaduan ketika perjuangan menuntut kemerdekaan dahulu sebagai iktibar untuk memperkukuhkan kerjasama sesama komponen.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin harus menyetepikan kepentingan peribadi dalam perjuangan, sebaliknya harus mengutamakan soal kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhannya.

"Kita mahu mewujudkan pakatan yang menguntungkan semua pihak. Kita mahu menerusi perkongsian pintar ini, tidak ada pihak yang rugi atau untung secara mutlak. Kita mahu sama-sama mendapat manfaat.

"Konsep perkongsian pintar ini berbeza dengan di Barat yang menyamun daripada orang kaya. Kita hanya boleh menyamun orang kaya sekali saja kerana selepas itu dia akan jadi miskin. Lepas itu tidak ada lagi kekayaan dalam masyarakat dan masyarakat menjadi miskin. Inilah cara sesetengah orang dari Barat.

"Oleh itu, dalam konteks negara ini tiada siapa harus bersikap tamak dan cuba mengambil segala-galanya untuk diri sendiri. Jangan siapapun daripada mana-mana kaum, mana-mana parti cuba ambil semuanya untuk diri sendiri. Kalau cuba buat demikian, akan rosaklah keadaan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan turut mengambil beberapa tindakan

yang bertujuan menentukan golongan Bumiputera mencapai kemajuan setanding dengan bukan Bumiputera.

(END)